

Universiti IT di Bukit Tinggi

BH 15 JUL 2000

BENTONG, Jumaat - Sebuah universiti swasta dijangka ditubuhkan tidak lama lagi di negara ini oleh sebuah konsortium yang dianggotai dua syarikat tempatan serta syarikat yang berpejabat di Singapura.

Universiti berteraskan teknologi maklumat (IT) itu ditubuhkan menerusi kerjasama antara syarikat tempatan, Berjaya Group Bhd (Berjaya) dan Tadmansori Holdings Sdn Bhd (Tadmansori) dengan Informatics Holdings Ltd (Informatics).

Pengarah Urusan Tad-

mansori, Dr Tengku Rethwan Tengku Mansor, berkata kampus induk universiti berkenaan yang akan menawarkan program pengajian bidang perniagaan, teknologi maklumat dan kejuruteraan, akan dibina di kawasan seluas 69.2 hektar di Bukit Tinggi Resort, di sini.

Daripada jumlah itu, katanya, 40 hektar akan digunakan untuk pembinaan kampus yang mampu menampung 10,000 pelajar manakala selebihnya sebagai rezab untuk pembangunan masa depan universiti itu.

“Pembinaan keseluruhan kampus induk ini dijangka mengambil masa selama tiga tahun. Bagaimanapun pembinaannya hanya akan dimulakan selepas mendapat semua kelulusan yang perlu untuk memulakan operasi universiti,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis menandatangani kerjasama menubuhkan universiti teknologi maklumat itu antara Informatics, Berjaya dan Tadmansori di Bukit Tinggi Golf and Country Club di Bukit Tinggi Resort, di

sini, hari ini.

Perjanjian kerjasama itu ditandatangani Pengerusi Informatics, Dr Wong Tai; Pengarah Berjaya, Tan Sri Abdul Rahim Din dan Dr Tengku Rethwan.

Majlis itu disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Berjaya, Tan Sri Vincent Tan.

Menurut Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996, sesebuah universiti swasta boleh ditubuhkan di negara ini selepas mendapat surat jempunan da-

ripada Menteri Pendidikan.

Dr Tengku Rethwan berkata, konsortium itu akan membina kampus kota bagi universiti berkenaan di Lembah Klang yang dijangka boleh memuatkan 3,000 pelajar, selain melancarkan kampus mayanya pada masa sama.

Menerusi kerjasama itu, setiap pihak akan memiliki pegangan saham 30 peratus manakala 10 peratus lagi bagi pihak lain yang akan ditentukan. Pelaburan untuk menubuhkan universiti itu dijangka berjumlah RM 10 juta.